

Carum pekerja atau berdepan tindakan

April 4, 2019 8:00 am

AYER KEROH 4 April – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Melaka merekodkan seramai 13,202 majikan aktif berdaftar dengan agensi berkenaan tahun lalu. Pengaruhnya, Fadhilah Hamil berkata, manakala setakat Mac 2019, pihaknya merekodkan seramai 604 majikan baharu.

Katanya, Januari merekodkan pendaftaran tertinggi setakat ini dengan 226 pendaftaran, diikuti Februari (160) dan Mac (218). “Peningkatan pendaftaran pada awal tahun ini disebabkan perluasan perlindungan kepada pekerja asing. “Sementara pada Mac pula ia disebabkan bulan pemutihan sebelum Ops Kesan dilancarkan awal April tempoh hari,” katanya ketika dihubungi.

Fadhilah turut menggesa majikan yang masih belum mencarumkan pekerja di bawah Perkeso agar melakukannya segera bagi mengelakkan tindakan undang- undang, jika didapati bersalah. “Majikan yang didapati gagal mendaftarkan pekerja mereka boleh dikenakan maksima kompaun sebanyak RM5,000 di bawah Seksyen 4 dan 5 Akta Perkeso 1969. “Jika gagal membayar kompaun, pihak kami tidak akan teragak-agak melakukan pendakwaan dan majikan boleh dikenakan penjara maksimum dua tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau keduanya sekali,” katanya.

---